



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
ARKIB NEGARA MALAYSIA

TEKS UCAPTAMA DAN PERASMIAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEMPENA

PERSIDANGAN
PENGURUSAN PERUBAHAN
PENDIGITALAN PENGURUSAN REKOD
SEKTOR AWAM 2022

6 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)

9.00 PAGI

HOTEL THE EVERLY PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI)

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia

Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, kita masih diberi kesempatan untuk hadir bersama di Persidangan Pengurusan Perubahan Pendigitalan Sektor Awam Tahun 2022 pada hari ini.

1. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang berjaya menganjurkan Persidangan Perubahan Pendigitalan Pengurusan Rekod Sektor Awam 2022 ini secara kolaboratif.
2. Saya sendiri amat teruja melihat komitmen Pengurusan Tertinggi dan penjawat awam yang hadir ke persidangan ini yang mana secara tidak langsung menunjukkan kepentingan dan kerelevanan topik-topik dalam persidangan yang akan berlangsung selama dua hari ini. Ia sangat bertepatan dengan cabaran mengemudi perkhidmatan awam yang berwibawa pada hari ini dan masa akan datang.

3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran para ahli panel dan pembentang kertas kerja yang sudi berkongsi pengetahuan dan kepakaran masing-masing untuk memantapkan pengurusan rekod sektor awam dalam persekitaran digital.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

4. Penyampaian perkhidmatan awam di Malaysia mempunyai sejarah yang penting dan mengalami perubahan dari awal penubuhan perkhidmatan awam sehingga kini. Ia sentiasa ditambahbaik bagi memastikan keberkesanannya selari dengan agenda pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat. Perubahan sentiasa berlaku dan tidak dapat dielakkan. Bak kata pepatah seorang ahli falsafah Greek “change is the only constant in life”. Adaptasi dan penggunaan (adoption and usage) penjawat awam terhadap sesuatu inisiatif perubahan memberi impak tinggi terhadap kadar kejayaan pelaksanaan inisiatif tersebut bagi membantu ke arah mencapai wawasan kerajaan yang ditetapkan.
5. Setiap inisiatif atau transformasi baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan membawa kepada suatu bentuk perubahan sama ada dalam struktur tadbir urus dan pengurusan organisasi atau tingkah laku serta *mind-set* yang melibatkan penjawat awam, sektor perniagaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat. Pengurusan perubahan atau *change management* (CM) merupakan satu pendekatan berstruktur yang membawa

sekumpulan individu atau organisasi melalui suatu tempoh peralihan perubahan bagi mencapai matlamat atau objektif inisiatif perubahan yang dihasratkan.

6. Saya ingin menarik perhatian para hadirin semua kepada Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 2 Tahun 2022 berkaitan Panduan Pengurusan Perubahan Sektor Awam (CMSa) yang telah diedarkan melalui e-mel kepada semua kementerian pada 27 Jun 2022. Panduan ini merupakan sebahagian usaha untuk menjayakan inisiatif pemodenan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam di negara ini.

KEPENTINGAN PENGURUSAN PERUBAHAN SEIRING PERKEMBANGAN GLOBAL

7. Dalam konteks persaingan global, kerajaan mengorak langkah ke hadapan mengikut rentak revolusi digital dalam mentransformasikan proses penyampaian perkhidmatan daripada perkhidmatan berpaksikan kerajaan kepada perkhidmatan berpaksikan rakyat (citizen centric). Senario dan cabaran semasa serta trend global memerlukan kita memberikan perkhidmatan yang diyakini dan dihormati oleh rakyat. Barrack Obama, mantan presiden Amerika Syarikat (USA) pernah menyebutkan “**Change will not come if we wait for some other person or some other time. We are the ones we’ve been waiting for. We are the change that we seek.**”
8. COVID-19 yang melanda dunia dan negara membawa kesan yang amat besar dan menjadi pemangkin kepada pendigitalan

penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cepat. Pendigitalan berlaku dengan begitu pantas dan juga meluas yang melangkaui jangkaan kita. Pertumbuhan ekonomi dunia dan trend penyampaian perkhidmatan pada masa kini dilihat semakin dipacu oleh pendigitalan. Tingkah laku pengguna juga telah mula beralih kepada pemilihan urusan yang cepat dan mudah secara dalam talian dengan menggunakan peranti mudah alih. Sudah tiba masanya, agensi-agensi di sektor awam dan juga swasta meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan dengan membangunkan infrastruktur digital, tenaga kerja berkemahiran digital serta mewujudkan masyarakat digital yang inklusif di samping menyediakan persekitaran digital yang terjamin dan beretika.

9. Mengimbas kembali pada tahun 2021, apabila darurat diproklamasikan oleh Seri Paduka Baginda (SBP) Yang di-Pertuan Agong (YDPA) ketika pandemik COVID-19 melanda negara, prinsip F.A.S.T.E.R telah diperkenalkan iaitu merujuk kepada “flat”, “agile”, “streamlined”, “tech-enabled”, “efficient” and “resilient”. Prinsip ini bertujuan memastikan jentera perkhidmatan awam dapat segera menggerakkan ekonomi dan mempercepatkan usaha-usaha membantu rakyat semasa situasi getir. Alhamdulillah, kita dapat melepasi situasi tersebut dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai ujian dan rintangan yang melanda.
10. Pada tahun ini pula, seiring dengan situasi semasa negara di mana kita menuju ke fasa endemik, saya berpandangan sudah tiba masanya untuk menetapkan aspirasi dan keazaman kita ke arah prakarsa baharu yang lebih ke hadapan iaitu nilai yang saya

akronimkan sebagai “S.W.I.F.T” yang merujuk kepada “speed”, “world class knowledge”, “inspirational”, “flexible” dan “technology-based”.

11. Prinsip F.A.S.T.E.R dan S.W.I.F.T ini bertetapan dan sesuai dijadikan pendekatan untuk memperkasakan pendigitalan penyampaian perkhidmatan awam yang telah berjaya meningkatkan kedudukan negara pada kedudukan ke-47 pada tahun 2020 berbanding di kedudukan ke-48 pada tahun 2018 dalam E-Government Development Index (EGDI) di bawah seliaan United Nations (UN). Indeks ini mencatatkan lebih 84% daripada negara yang terlibat menawarkan perkhidmatan transaksi secara dalam talian. Dalam penilaian ini, Malaysia juga telah diiktiraf sebagai antara 57 buah negara bagi kelompok Pembangunan E-Government Sangat Tinggi.
12. Prestasi negara juga turut cemerlang dalam satu daripada komponen EGDI iaitu Online Service Index (OSI) di mana pada tahun 2020 Malaysia berada di kedudukan ke-24 berbanding tempat ke-27 pada 2018. Di peringkat Asia, Malaysia berada di kedudukan ke-9 manakala tempat ke-2 di peringkat Asia Tenggara bagi tahun 2020. Sebagai makluman, OSI merupakan mekanisme bagi mengukur kemampuan dan kesediaan sesebuah negara menyediakan perkhidmatan secara dalam talian dan berinteraksi dengan rakyat secara digital.

AGENDA DAN INISIATIF PENDIGITALAN NEGARA

13. Inisiatif Multimedia Super Corridor (MSC) pada tahun 1996 merupakan titik bermulanya kerajaan mengorak langkah ke arah pendigitalan dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang dikenali sebagai kerajaan elektronik. Usaha awal ini meliputi perkhidmatan Kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk agensi di bawah seliaan. Antara produk dan perkhidmatan rintis yang telah dilaksanakan adalah seperti Government Office Environment Electronic Document Management System (GOE-EDMS) bagi pengurusan dokumen elektronik, e-khidmat bagi perkhidmatan Agensi Barisan Hadapan (ABH), Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) bagi pengurusan projek, Human Resource Management Information System (HRMIS) bagi pengurusan sumber manusia, Sistem e-Perolehan bagi perolehan kerajaan, e-Kehakiman dan e-Syariah bagi perkhidmatan Mahkamah Sivil dan mahkamah Syariah dan e-PBT bagi perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan.
14. Usaha awal penyampaian perkhidmatan secara dalam talian telah membawa perkhidmatan kerajaan ke hujung jari rakyat. Revolusi kerajaan elektronik ini telah melangkah lebih jauh dengan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan dan pusat data sektor awam (PDSA) yang menjadikan pengumpulan dan pengurusan data raya secara lebih berkesan dan lancar. Perkhidmatan “cloud” ini dapat mengurangkan kos kerajaan dalam pengurusan teknologi maklumat dalam jangka masa panjang dan membolehkan aplikasi data raya seperti kecerdasan buatan atau

“artificial intelligence” (AI), internet benda atau “internet of things” (IOT), digunakan untuk memantapkan perkhidmatan kerajaan.

15. Menyokong aspirasi kerajaan untuk mengikuti langkah negara maju seperti Korea Selatan, United Kingdom dan Denmark, yang menjadikan **Sustainable Development Goal (SDG) 2030** sebagai penanda aras kemajuan, RMKe-12 menjajarkan penerimgunaan kemunculan teknologi baharu (emerging technologies) melalui strategi dan teras yang ditetapkan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Selain itu juga, negara mensasarkan kedudukan ke-12 dalam Online Service Index (OSI) untuk dicapai pada tahun 2025 melalui pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan secara End-to-End (E2E).
16. Dalam memperkukuh dan melestarikan pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan masa ini, strategi dan pelan tindakan telah dibangunkan secara *holistic*, antaranya ialah Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, Pelan Induk Enterprise Architecture (EA) Sektor Awam (MyGovEA), Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Agensi Sektor Awam (PSOSA), Pelan Strategik ICT Agensi dan perkhidmatan digital melalui satu gerbang tunggal dalam Portal myGovernment serta aplikasi mobil melalui Gallery of Malaysian Governmnet Mobile Applications (GAMMA).
17. Bagi memacu transformasi digital sektor awam, kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Bersama (Blueprint) MyDigital. Melalui pelan tindakan ini, beberapa strategi digariskan bagi mengurus perubahan untuk beralih kepada digital secara

berkesan, memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan proses kerja yang produktif, meningkatkan set kemahiran digital penjawat awam, memanfaatkan data untuk meningkatkan perkhidmatan kerajaan dan kualiti perkhidmatan dalam talian bagi menambah baik pengalaman pengguna. Melalui pelan tindakan ini juga, kerajaan menetapkan sasaran 80% perkhidmatan kerajaan secara dalam talian menjelang 2030.

18. Kerajaan juga telah mengambil pelbagai langkah bersifat agresif, strategik dan berimpak tinggi merentasi pelbagai agensi di sektor awam. Antaranya, kerajaan telah meluluskan sebanyak 128 projek ICT dan pendigitalan melibatkan kos keseluruhan sebanyak 3.8 billion ringgit. Ia meliputi pembangunan sistem, infrastruktur dan perisian keselamatan siber, latihan kompetensi kerajaan digital serta menaik taraf kelengkapan ICT di institusi latihan.
19. Pelan infrastruktur yang menyeluruh dikenali sebagai Jalinan Digital Negara (JENDELA) dilancarkan pada tahun 2020 bagi meningkatkan capaian internet dan merupakan penanda aras yang kritikal untuk merealisasikan RMKe-12 seiring hasrat negara mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Melalui JENDELA, Malaysia akan mempercepatkan pelaksanaan teknologi 5G yang berpotensi besar merancakkan komunikasi mudah alih melalui inovasi di samping mewujudkan industri baharu.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

EVOLUSI PENGURUSAN REKOD DALAM ERA PENDIGITALAN

20. Kita melihat evolusi pengurusan rekod awam dan sistem penyampaian perkhidmatan di Malaysia telah mengharungi pelbagai cabaran seiring dengan kehendak, tuntutan dan keperluan pelanggan dalam era globalisasi ini. Rekod awam yang merupakan bukti primer kewujudan transaksi pentadbiran sektor awam turut mengalami kesan gelombang digital yang telah memberi impak terus kepada pengurusan rekod tanpa kompromi terhadap aspek akauntabiliti dan integriti.
21. Justeru, bagi meningkatkan produktiviti penjawat awam dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada pelanggan dan rakyat, sektor awam perlu berubah mengikut era digitalisasi dan transformasi digital melalui usaha pendigitalan pengurusan rekod. Sistem pengurusan rekod awam perlukan anjakan paradigma daripada kaedah konvensional kepada digital.

IMPAK PELAKSANAAN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)

22. Bagi mencapai hasrat MyDigital, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif antaranya pelaksanaan Digital Document Management System (DDMS) iaitu pengurusan rekod dalam

persekitaran digital. Pembangunan DDMS ini merupakan kolaborasi strategik antara MAMPU, Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). DDMS ini merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah National Key Economics Area (NKEA), Communications, Content and Infrastructure (CCI), Entry Point Project (EPP) 6, eGovernment – Paperless Government yang mula diperkenalkan pada tahun 2014.

23. Pembangunan dan peluasan DDMS ke agensi-agensi Sektor Awam ini seiring dengan perancangan yang digariskan dalam “Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia” dan “Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara” serta hala tuju negara menjelang tahun 2030. Hasrat kerajaan untuk memacu “Transformasi Digital di Sektor Awam” menjelang tahun 2030 tidak akan tercapai sekiranya pengurusan rekod masih dilaksanakan secara traditional, negara akan menghadapi risiko peningkatan jurang digital jika usaha pendigitalan tidak diuruskan dengan baik. Dengan memanfaatkan teknologi, secara tidak langsung sistem DDMS ini dapat memastikan pelaburan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan mendapat pulangan balik dan faedah pendigitalan rekod ini dirasai oleh segenap lapisan penjawat awam.
24. Dalam usaha menggembeleng penerimagunaan ataupun *adoption* pendigitalan pengurusan rekod di sektor awam, peranan Pengurusan Tertinggi dalam memacu transformasi pendigitalan pengurusan rekod di sektor awam ini adalah amat penting. Pengurusan Tertinggi agensi sektor awam perlu menggerakkan

jentera di bawahnya bagi membuat anjakan paradigma pemodenan dan pembaharuan pengurusan rekod.

25. Selain daripada itu, pengurusan perubahan yang komprehensif juga dilihat dapat meningkatkan penerimgunaan kepada sistem DDMS ini. Untuk itu, penganjuran persidangan sebegini adalah relevan dan penting bagi memastikan semua penjawat awam memahami hasrat pembangunan DDMS ini dan kepentingan menguruskan rekod secara digital.
26. Dengan terlaksananya DDMS, sistem pengurusan rekod Kerajaan mengalami transformasi yang jelas serta banyak faedah yang akan diperolehi oleh Kerajaan termasuklah dapat mengurangkan penggunaan kertas, mempercepatkan capaian rekod, dan mengelakkan kehilangan rekod. Menyedari kepentingan pematuhan prosedur keselamatan ICT, DDMS turut dilindungi dengan protokol keselamatan ICT bagi memastikan rekod dan dokumen kerajaan sentiasa terpelihara. Justeru, penggunaan DDMS amat signifikan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang pantas dan tuntas.
27. Saya menyeru semua Pengurusan Tertinggi, bersama-sama merealisasikan hasrat kerajaan dalam agenda pendigitalan pengurusan rekod sektor awam. Menjelang 2025, DDMS akan diperluaskan ke seluruh sektor awam. Amalan ini selari dengan Program Digital Accelerator (Pembudayaan Digital) Sektor Awam yang diperkenalkan pada tahun 2021 yang mampu menyebarkan

pembudayaan digital. Wawasan jangka panjang kerajaan ini hendaklah direalisasikan oleh setiap penjawat awam.

28. Selaras dengan keperluan wawasan ini, saya telah dimaklumkan bahawa Arkib Negara Malaysia bakal mengeluarkan dua (2) dokumen penting yang akan menjadi tunjang kelestarian tadbir urus pengurusan rekod negara iaitu:

- i) Surat Pekeliling Am - Pelaksanaan Digital Document Management System (DDMS) Di Sektor Awam; dan
- ii) Surat Pekeliling Am - Penggunaan MS ISO 15489-1:2020 Information and Documentation – Records Management – Part 1: Concepts and Principles (ISO 15489-1:2016, IDT)

29. Selain menjadi panduan utama pelaksanaan pengurusan rekod digital, kedua-dua dokumen ini juga akan menjadi asas kepada keperluan pengurusan perubahan pendigitalan pengurusan rekod sektor awam yang selari dengan aspirasi MyDigital Negara.

30. Atas usaha yang sangat inovatif dan responsif dalam mengurus perdanakan pendigitalan perkhidmatan awam, pelbagai pencapaian telah diperolehi dan yang paling membanggakan negara adalah kejayaan MAMPU meraih “Champion Top 5” bagi dua kategori iaitu Information and Communication Infrastructure Category dan Enabling Environment Category melalui dua inisiatifnya iaitu MyGov*Net dan DDMS di World Summit on the Information Society, Geneva, Switzerland (2022). Kejayaan hasil daripada buah fikiran anak tempatan ini diharapkan menjadi

platform untuk terus memperkasakan tadbir urus penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Para hadirin sekalian,

PEMERKASAAN PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA SEBAGAI PENERAJU PENGURUSAN REKOD NEGARA

31. Arkib Negara Malaysia, agensi di bawah payung MOTAC, adalah peneraju pengurusan rekod digital sektor awam dan *subject matter expert* (SME) bagi pengurusan rekod awam. Ia merupakan satu jabatan yang unik dan berperanan besar dalam memastikan rekod diurus dan ditadbir dengan baik supaya rekod-rekod awam mempunyai ciri-ciri kesahihan (authenticity), keandalan (reliability), keutuhan (integrity) dan kebolehgunaan (useability). Arkib Negara komited dalam memperkasa tadbir urus rekod awam yang efisien dan efektif melalui teknologi terkini supaya dapat direalisasikan impaknya demi kepentingan negara dan kemakmuran bersama.
32. Semenjak zaman silam, institusi arkib diletakkan di bawah tanggungjawab, kelolaan dan pengawasan pemerintah sesebuah negara. Hal yang demikian adalah kerana kehilangan rekod adalah kehilangan yang amat merugikan kepada negara. Tadbir urus rekod yang sistematik dan efisien dapat menyumbang kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan khususnya sektor awam. Rekod yang lengkap adalah sumber utama pembuktian dan berperanan amat penting untuk membantu

negara mempertahankan kedaulatan dan wilayah persempadanan. Dunia pada abad ke-21 sedang melalui era memperoleh maklumat secara dalam talian dan menuntut penghijrahan paradigma kerja. Perkembangan dan revolusi digital telah menyuntik dimensi lebih dinamik kepada Arkib Negara Malaysia dalam meneraju pengurusan rekod sektor awam.

33. Seiring dengan perkembangan teknologi, Arkib Negara memfokuskan objektifnya dengan meningkatkan kecekapan dan kesedaran penjawat awam mengenai pengurusan rekod melalui penguatkuasaan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Ia bertujuan memastikan rekod diurus secara sistematik dan kos efektif mengikut piawaian yang ditetapkan seterusnya memastikan Arkib Negara memperoleh bahan arkib yang bernilai kekal disimpan dan dipelihara mengikut prinsip dan standard yang ditetapkan.
34. Keseluruhan anggota perkhidmatan awam hendaklah mematuhi peraturan yang termaktub dalam Akta Arkib Negara 2003 melalui penambahbaikan dan pemerkasaan tadbir urus pengurusan rekod. Justeru, saya menyarankan supaya Jawatankuasa Pengurusan Rekod Jabatan dibentuk sebagai medium semak dan imbang (check and balance) bagi menjamin ketelusan dalam perkhidmatan awam khususnya dalam pengurusan rekod.
35. DDMS dibangunkan berdasarkan keperluan Akta Arkib Negara 2003 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 di samping memenuhi standard piawaian pengurusan rekod MS ISO 16175 dan MS ISO 15489. Arkib Negara Malaysia, MAMPU dan CGSO melalui kolaborasi strategik sentiasa menambahbaik DDMS supaya

sentiasa patuh kepada perundangan berkuatkuasa dan memenuhi ciri-ciri keselamatan rekod yang merupakan rahsia kerajaan dalam persekitaran yang terpelihara.

36. Maka, setiap jabatan dalam perkhidmatan awam hendaklah menggunakan DDMS tanpa sebarang keraguan dan memastikan pembangunan Klasifikasi Fail (KF) dan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) sebagai pra syarat kepada penggunaan DDMS. Saya berharap agar DDMS dapat dibincangkan dalam CIO Convention supaya maklumat berkaitan dengannya dapat disebarluas ke setiap pejabat awam di Malaysia.
37. Selain itu, ketiadaan suatu jawatan hakiki yang bertanggungjawab untuk pengurusan rekod di agensi sektor awam adalah suatu perkara yang telah lama tertangguh dan perlu diberi perhatian serius dan tindakan segera. Pelantikan jawatan hakiki Pengurus Rekod Jabatan (PRJ) di sektor awam hendaklah diberi penekanan bagi melancarkan tadbir urus pengurusan rekod awam. PRJ berperanan besar dalam memastikan pengurusan rekod awam di jabatan mengikut peraturan yang dikuatkuasakan. Aktiviti audit dan inspektorat pengurusan rekod pejabat awam perlu dilaksanakan secara mandatori oleh Arkib Negara Malaysia supaya pengurusan rekod awam tidak tergelincir dari landasan yang sepatutnya dan agensi sektor awam sentiasa peka dalam memastikan rekod mereka diurus dengan baik dan sistematik seperti juga urusan kewangan dan aset Kerajaan yang kini mempunyai pemantauan dan pelaporannya yang tersendiri dan teratur.

38. Sememangnya, perubahan daripada konvensional kepada digital akan diuji dengan pelbagai cabaran. Namun, saya yakin persidangan ini akan menyuntik semangat Pengurusan Tertinggi untuk melaksanakan perubahan di agensi masing-masing. Sesungguhnya, perkhidmatan awam adalah pemangkin transformasi perubahan kepada kerajaan dan rakyat. Justeru, mengambil inspirasi tema Hari Kebangsaan 2022, “Keluarga Malaysia Teguh Bersama!“, marilah bersama-sama mantapkan usaha untuk melonjakkan Malaysia supaya tersenarai dalam kelompok negara termaju dan terbaik dunia.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

PERANAN KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN PERUBAHAN

39. Pemimpin merupakan pemandu arah sesuatu perubahan dalam organisasi. Saya berharap semua Pengurusan Tertinggi selaku pemimpin organisasi masing-masing dapat menghayati metodologi pengurusan perubahan sektor awam yang berstruktur dalam kita mengurus perubahan dengan berpaksikan kepada sisi perubahan manusia.
40. Kita perlu dilihat sentiasa aktif menglibatkan diri dan memberi perhatian terhadap proses perubahan tersebut agar apa yang kita hasratkan (outcomes) bagi sesuatu perubahan itu dapat direalisasikan. Kita juga perlu sentiasa berkomunikasi dengan pegawai-pegawai tentang inisiatif perubahan yang ingin dibawakan agar mereka tidak ditinggalkan dalam proses

perubahan dan bersama mereka, program inisiatif yang kita rancangkan tersebut akan dilaksanakan dengan jayanya.

41. Maka konsep **PRC** boleh diterapkan dalam usaha pengurusan perubahan iaitu *Actively visible Participation in the projects, building strategy Relationship with stakeholders and middle managers, and Communicate effectively with impacted groups about the changes.*
42. Berpandukan metodologi pengurusan perubahan yang telah kita bangunkan ini, saya juga berharap agar semua program pengurusan perubahan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bagi pelaksanaan program DDMS di sektor awam khususnya, saya berharap prestasi mengadaptasi dan penggunaannya dapat dipertingkatkan supaya aspirasi kerajaan dalam mengurus rekod secara digital sepenuhnya dapat dicapai.

Para Hadirin Sekalian

43. Sebagai penutup bicara, saya ingin menekankan bahawa pendigitalan kerajaan merupakan agenda nasional pada masa kini dan telah menjadi keutamaan dalam mendepani senario semasa. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Arkib Negara Malaysia atas penganjuran Persidangan Perubahan Pendigitalan Pengurusan Rekod Sektor Awam 2022. Semoga objektif

penganjuran persidangan ini tercapai dan menyuntik semangat hadirin. Saya berharap persidangan ini akan menjadi titik tolak dan pemangkin dalam usaha untuk menjayakan agenda pendigitalan negara.

Dengan lafaz yang mulia, Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perubahan Pendigitalan Pengurusan Rekod Sektor Awam 2022

Sekian. Wabillahitaufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.